



udi



Raya gajet

» Dominasi teknologi '**senyapkan**'
suasana Syawal, silaturahim

Oleh Nor Affizar Ibrahim
affizar@bharian.com.my

Semua sudah selesai. Hati ayah ibu atau datuk nenek mana yang tidak berbunga mekar dengan kepulangan anak cucu ke kampung untuk sama-sama menyambut lebaran.

Lebih-lebih lagi, bagi mereka yang jarang berjumpa dan bersua wajah. Justeru, hari lebaran yang disambut sekali setahun bagaikan pengubat segala kerinduan dan detik mengeratkan lagi kasih sayang.

Bagaimanapun, amat menghampaskan hati orang tua apabila detik indah dan manis dinanti-nantikan sekian lama, tidak berlaku seperti diharapkan. Meskipun, budaya balik kampung masih menjadi tradisi pada hari lebaran, senario dikecapi tidak sama seperti dulu.

Keseronokan beraya bersama ayah

dan bonda untuk bermesra serta mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan silaturahim bagaikan pudar, apabila anak cucu yang balik ke kampung bersikap individualistik kerana semuanya sibuk dan leka dengan gajet masing-masing.

Si ayah, tidak lekang dengan telefon bimbit manakala si ibu, sibuk berbalas-balas sistem pesanan ringkas (SMS). Begitu juga anak perempuan, leka dan gembira melayani facebook menggunakan laptop, sementara anak lelaki pula ke hulu hilir dengan iPad. Kesudahannya, ayah ibu atau datuk nenek terpinggir, dibalut rasa sedih dan kesunyian, sekalipun anak cucu pulang ke kampung serta berada di depan mata.

Gajet pemisah

Keriuhan melayan keletah cucu dan keceriaan dikelilingi anak yang sudah lama tidak pulang ke kampung seperti diharapkan, hanya impian dan khayalan semata-mata kerana gajet menjadi pemisah tembok bagi menghalang wujudnya suasana seperti itu.

Peranti diutama, orang tua pendam rasa



Gajet
melekakan
kanak-
kanak
tanpa meng-
hiraukan
suasana
raya.

Hakikatnya, senario itu sudah pun berlaku masa kini. Perkembangan teknologi semakin maju dan kemudahan mengakses dengan mudah serta di mana-mana saja, sehingga boleh dibawa bersama balik ke kampung, sedikit sebanyak turut memberi impak keceriaan menyambut lebaran. Apakah lagi, jika ada yang tidak pandai mengimbangi kegunaan gajet sedia ada dan sepatutnya dimanfaatkan bagi kebaikan serta kemudahan teknologi berkenaan.

Fahami konsep beraya

Menghuraikan hal ini, pakar motivasi dan sosiologi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata bagi mengelakkan senario itu berlaku sewajarnya konsep asas meraikan sambutan Aidilfitri itu difahami semula.

Shatar berkata, Aidilfitri disambut bagi meraikan kejayaan melakukan ibadat berpuasa sebulan. Kedatangannya bukan saja meraikan kegembiraan, tetapi turut merapatkan ikatan ukhuwah sesama Muslim dan masyarakat keseluruhannya.

"Keutamaan merapatkan ukhuwah pula dilihat bermula dengan ahli keluarga terdekat, kemudian diikuti keluarga besar seperti datuk nenek dan ibu saudara. Keutamaan ketiga, barulah untuk saudara mara lain

sama ada dekat mahupun yang jauh. Tetapi yang pasti, Syawal kukuhkan ikatan persaudaraan sama ada dekat mahupun jauh.

"Dalam konteks sosial, bagi mengukuh atau mengeratkan persaudaraan ia perlu bersemuka dan ada interaksi sosial termasuk berbual dan bertukar pandangan. Menggunakan telefon sememangnya boleh tetapi impak sosial ditimbulkan berbeza.

Sebaliknya, apabila berdepan ada aura fizikal yang boleh dirasakan termasuk mimik muka dan sentuhan," katanya.

Kesan psikologi

Shatar berkata, bagi keluarga yang kerap berjumpa dan dapat meluangkan masa bersama, mungkin tidak begitu terasa apabila anak cucu leka dengan gajet ataupun membuat hal masing-masing

ketika pulang ke kampung. Namun, bagi yang hanya berpeluang berjumpa setahun sekali atau jarang bersua, ia boleh memberikan kesan psikologi terutama orang tua lazimnya, ada harapan dilettakkan dalam pertemuan seperti itu.

Katanya, dalam keadaan jarang berjumpa orang tua akan mengharapkan pertemuan sekali-sekala itu dapat merapatkan hub-

ungan. Malah, ada yang ingin sentuhan dan ini sememangnya perlu bagi membuat perasaan lebih seronok ketika bertemu.

"Satu tahun tidak berjumpa akan terubat sekilip mata kerinduan yang ada apabila ada suasana seperti itu, tetapi jika balik kampung, masing-masing buat hal sendiri dan ada yang duduk dalam bilik langsung tidak keluar tentulah timbul keke-

cewan. Jika ada perasaan kecewa seperti itu, matalamat meraikan Aidilfitri tidak kesampaian.

"Bahkan, bukan mustahil, ada yang meluahkan kata jika balik lagi menyakitkan hati, lebih baik tidak balik. Orang tua itu sebenarnya, bukan saja sakit hati tetapi turut rasa tersisih dibuat begitu. Harapan setahun menunggu berkecaci apabila depan mata semuanya menyakitkan mata dan hati," katanya.

Shatar berkata, keadaan itu sama juga apabila seseorang itu ingin pergi bercuti dan ingin membawa bersama jalur lebar untuk melayari internet sepanjang percutian itu. Katanya, apabila sibuk hendak melayari internet dan tidak meneroka tempat sepatutnya, matalamat percutian itu pastinya tidak kesampaian.

Shatar berkata, tidak salah membawa gajet bersama apabila pulang ke kampung. Lagi pun, kemajuan teknologi tidak boleh dihalang atau disekat. Tetapi lebih baik, jika penggunaannya ada batasan dan had tertentu sehingga tidak menguris perasaan orang dikasih.